

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2019**

---


**PELAKSANAAN PEMBANDING SEKTOR AWAM  
(*PUBLIC SECTOR COMPARATOR - PSC*)  
DALAM PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**6 Mac 2019**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3904  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

---

Rujukan Kami : UPE(P)11/109/19 Jld. 7 ( 24 )

Tarikh : 6 Mac 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2019**

---

**PELAKSANAAN PEMBANDING SEKTOR AWAM  
(*PUBLIC SECTOR COMPARATOR - PSC*)  
DALAM PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian/Agensi mengenai pematuhan kepada penggunaan Pembanding Sektor Awam (*Public Sector Comparator - PSC*) dalam proses pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1. Bermula pada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menetapkan PSC sebagai satu strategi bagi

memperkukuh perancangan, menambah baik kaedah penilaian dan mempertimbangkan permohonan sesebuah projek selaras dengan strategi memperkukuh perancangan projek seperti yang terkandung dalam Bab 9, Bidang Fokus D, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

2.2. PSC telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) Bilangan 2 Tahun 2017 bertarikh 15 Mei 2017 dan telah dipersetujui pelaksanaannya dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSU-KP) Bilangan 1 Tahun 2018 bertarikh 8 Januari 2018.

2.3. PSC dibangunkan berdasarkan kepada dua (2) fungsi berikut:

2.3.1 Alat yang membantu dalam proses permohonan bajet dari segi pengiraan kos projek pembangunan fizikal baharu; dan

2.3.2 Repositori data kos berpusat bagi projek pembinaan fizikal yang mampu menganalisis dan mengunjurkan kos pembinaan projek fizikal sehingga tempoh sepuluh (10) tahun akan datang berasaskan *Tender Price Index* (TPI) Jabatan Kerja Raya (JKR).

2.4. PSC akan menjadi satu panduan bagi menentukan anggaran kos projek dan penanda aras kepada semua

Kementerian/Agensi dalam membuat permohonan projek pembangunan fizikal baharu Kerajaan Persekutuan.

- 2.5. PSC berupaya untuk menentukan kos keseluruhan projek pembangunan fizikal baharu yang optimum, seragam dan munasabah.
- 2.6. PSC juga boleh dijadikan asas untuk perbandingan kos antara perolehan Kerajaan dan pihak swasta bagi mendapatkan nilai terbaik untuk wang setiap projek yang diluluskan.
- 2.7. Pembangunan PSC adalah berdasarkan kepada data-data kos projek pembinaan fizikal sedia ada melalui borang *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)*, *As Completed Detailed Abstract (ACDA)* atau seumpamanya yang diperoleh daripada Kementerian/Agensi, Jabatan Teknikal dan pihak swasta.
- 2.8. Data kos PSC disediakan mengikut kategori dan sub-kategori jenis-jenis bangunan yang terdapat dalam Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) 2015, UPE, JPM.

### **3. PELAKSANAAN PSC**

Peranan dan tanggungjawab Kementerian/Agensi dalam melaksanakan PSC melibatkan dua (2) peringkat aktiviti iaitu

Peringkat Permohonan Projek serta Peringkat Pelaksanaan dan Pasca Pelaksanaan Projek seperti berikut:

### **3.1 Peringkat Permohonan Projek**

3.1.1 Kementerian/Agensi perlu melantik pegawai yang dipertanggungjawabkan (*Data Steward*) untuk mengurus dan mengemaskini PSC. Akses kepada PSC akan diberi oleh Bahagian Pengurusan Nilai, MEA. Hanya *Data Steward* Kementerian/Agensi yang telah dilantik sahaja boleh memasuki dan mengemaskini data kos projek dalam PSC.

3.1.2 Kementerian/Agensi hendaklah menggunakan PSC untuk menyediakan butiran anggaran kos dan melampirkan cetakan data kos PSC yang menggunakan format *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) ke dalam ePermohonan SPP II bagi cadangan projek pembangunan fizikal baharu. Jumlah kos tersebut merupakan medan wajib dalam ePermohonan SPP II.

### **3.2 Peringkat Pelaksanaan dan Pasca Pelaksanaan Projek**

3.2.1 Kementerian/Agensi perlu mendaftar dan memasukkan data kos projek ke dalam PSC (data daripada borang cabutan butir-butir ATDA atau seumpamanya) dalam tempoh satu (1) bulan

setelah borang ATDA atau seumpamanya dikeluarkan;

3.2.2 Kementerian/Agensi perlu mengemaskini data kos projek dalam PSC (data daripada borang cabutan butir-butir ACDA atau seumpamanya) dalam tempoh satu (1) bulan setelah borang ACDA atau seumpamanya dikeluarkan.

#### **4. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

#### **5. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN**

5.1. Kegagalan Kementerian/Agensi menggunakan PSC semasa permohonan bajet bagi projek pembangunan fizikal baharu akan menjejaskan proses kelulusan permohonan projek.

5.2. Semua data yang terkandung dalam PSC hendaklah dikawal oleh pegawai yang dilantik oleh Kementerian/Agensi sahaja. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan maklumat ini tidak dimaklumkan atau diedarkan kepada mana-mana pihak.

- 5.3. Kementerian/Agensi boleh mengakses PSC dan memuat turun Manual Pengguna (*User Manual*) di laman web <https://psc.mea.gov.my>.

## 6. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi,  
Aras 5, Blok B6, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya.  
*(u.p: Pengarah Bahagian Pengurusan Nilai)*

Telefon : 03-8872 5821  
Faks : 03-8888 3637  
E-mel : [helpdesk.psc@mea.gov.my](mailto:helpdesk.psc@mea.gov.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK SERI DR. ISMAIL HJ. BAKAR)**

Ketua Setiausaha Negara